

# Swasta diminta beri sumbangan bangun Taman Wetlands Paya Indah

14 OCT 2002

SEPANG 13 Okt. — Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad meminta syarikat swasta memberi sumbangan bagi membangunkan Taman Wetlands Paya Indah di sini sebagai pusat rekreasi, pelancongan dan pendidikan utama negara.

Perdana Menteri berkata, sumbangan tersebut amat diperlukan kerana kerajaan mempunyai sumber kewangan yang terhad dan tidak mampu membiayai semua projek yang dicadangkan di taman tersebut.

“Kita ada macam-macam cadangan, tetapi tidak dapat dibuat kerana kos yang tinggi. Kita bukan ada duit, swasta pun kena banyak tolonglah,” katanya.

Beliau berkata demikian pada sidang akhbar selepas majlis penyerahan lima buah trem elektrik oleh Tenaga Nasional Berhad (TNB) kepada pihak pengurusan Paya Indah Wetlands di Dengkil dekat sini, hari ini.

Pada majlis berkenaan Perdana Menteri juga telah

menyaksikan penyerahan sepasang burung jenjang (*crane*) yang dihadiahkan oleh kerajaan China.

Taman bekas lombong seluas 3,100 hektar itu mempunyai 14 buah tasik, hutan paya gambut, 210 spesies burung, empat ekor badak air Afrika, 15 ekor buaya tembaga dan 12 ekor burung flamingo.

Ia yang terletak kira-kira 50 kilometer dari Kuala Lumpur telah dirasmikan oleh Dr. Mahathir pada 13 Oktober tahun lalu.

Perdana Menteri berkata, beliau gembira kerana keadaan taman tersebut kini lebih baik berbanding ketika ia mula dibangunkan pada tahun 1997.

“Dulu taman ini agak panas kerana tiada pokok, sekarang pihak pengurusan telah menanam banyak pokok. Air tasik pun sudah baik, orang sudah boleh berdayung di dalamnya,” ujarnya.

Ditanya kemungkinan taman tersebut diisytiharkan sebagai khazanah negara,

Dr. Mahathir berkata, itu terpulang kepada kerajaan Selangor yang merupakan pemilik tanah di taman tersebut.

Mengenai cadangan untuk memindahkan Zoo Negara ke kawasan Dengkil, Perdana Menteri berkata, perkara itu tidak dapat dilaksanakan kerana ada bantahan daripada beberapa pihak yang mahukan ia kekal di tempat asal di Gombak, Selangor.

“Sebenarnya, kita suka mempunyai Zoo Negara di sini, kerana kita mempunyai tanah yang cukup dan suasana persekitaran yang sesuai.

“Tapi Zoo Negara tak nak datang sini, kita suruh dia datang, dia nak duduk di situ juga,” jelasnya.

Tambah beliau, cadangan sesetengah pihak supaya Zoo Negara diwujudkan di dua tempat iaitu di Gombak dan Dengkil juga tidak dapat dilaksanakan kerana kos yang tinggi.